



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Detektif Yaya dan Misteri Hantu Harum

Selepas Siri Yaya: Detektif Yaya dan Penunggu Embun, kini PTS tampil dengan karya Siri Yaya yang terbaru iaitu Detektif Yaya dan Misteri Hantu Harum. Buku ini adalah hasil karya Fatimah Zafira. Buku ini adalah spinoff daripada animasi Boboiboy. Penulis buku ini mula menceburi bidang animasi sebagai penulis skrip untuk BoBoiBoy dan Apa Kata Yaya. Sejak menulis skrip untuk animasi BoBoiBoy, beliau selalu terbayang senario harian yang dilalui BoBoiBoy dan kawan-kawannya di sekolah. Dengan menggabungkan elemen misteri dan lawak, maka lahirlah Detektif Yaya dan Misteri Hantu Harum.

Siri kedua ini juga ternyata lebih menarik dan padat dengan aksi penyiasatan Detektif Yaya serta rakan-rakannya, Boboiboy, Ying, Gopal, dan Fang. Siri ini menampilkan Detektif Yaya yang cuba merungkai misteri sumpahan yang dikenakan ke atas rakan-rakannya. Sumpahan tersebut dikenakan ke atas sesiapa sahaja yang mendekati bangunan lama sekolah mereka berusia 100 tahun. Satu demi satu misteri mula berlaku dan Detektif Yaya serta rakan-rakannya mula bertindak.

Buku ini padat dengan nilai-nilai murni dan dapat dijadikan pengajaran buat pembacanya. Buku ini juga sesuai untuk dijadikan bahan bacaan pelajar sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Ini kerana, daya tarikan buku ini mampu menarik minat pembaca dari segenap umur.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my